

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**[SELAYANG]**

**TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan William Leong Jee Keen minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan adakah penukaran meter elektrik lama kepada meter baru di setiap premis boleh menyebabkan peningkatan dalam bil elektrik.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pelaksanaan penukaran meter lama kepada meter baharu sedikit sebanyak akan melibatkan kenaikan dalam bil elektrik. Antara punca berlakunya sedikit kenaikan dalam bil elektrik adalah kerana meter lama tidak dapat merekod bacaan dengan tepat dan selalunya akan memberi bacaan yang lebih rendah daripada bacaan sebenar.

2. Kebanyakan meter lama yang terpasang adalah dari jenis elektromekanikal. Ketepatan bacaan meter elektromekanikal mudah terganggu disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran seperti cuaca, suhu dan kelembapan yang mempengaruhi bahagian bergerak di dalam meter yang boleh menjadi haus dan tidak berfungsi dengan baik. Gear mekanikal yang mengandungi minyak juga berkemungkinan boleh kering dalam jangka masa yang tertentu, dan menyebabkan gigi gear rosak dan kehilangan spesifik gear ratio. Ini menjadikan ketepatan bacaan meter elektromekanikal semakin menurun apabila mencapai usia penggunaan tertentu. Secara amnya, jangka hayat meter elektromekanikal adalah lebih kurang 15 tahun.

3. Selaras dengan kemajuan teknologi meter, tindakan untuk beralih kepada penggunaan meter baru seperti meter digital dan meter pintar adalah bagi meningkatkan kecekapan dalam pengukuran penggunaan elektrik.

\*\*\*\*\*

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN**

**TARIKH : 19.5.2016**

**SOALAN : NO. 71**

**Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah program keusahawanan di IPT boleh melahirkan graduan yang mampu berdikari, kebolehpasaran dan tidak bergantung kepada pekerjaan dalam sektor awam semata-mata.

### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan sistem pendidikan tinggi negara berupaya melahirkan graduan yang kental, berdaya keusahawanan, holistik dan seimbang dari aspek ilmu dan akhlak seiring dengan kemajuan teknologi dan trend pekerjaan masa kini. Sehubungan itu, KPT telah memperkukuhkan Dasar Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dengan melaksanakan *Job Creator Framework* untuk menggalakkan pelajar dan graduan bertindak sebagai *job creator* berbanding *job seeker*.

lanya dilaksanakan melalui tiga (3) fasa utama, iaitu membudayakan nilai keusahawanan di peringkat awal pengajian pelajar; membuka peluang pembelajaran keusahawanan (*entrepreneurial learning*) yang lebih meluas kepada pelajar; dan menyokong pelajar untuk membuka dan mengembangkan perniagaan.

Melalui pelaksanaan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dan pelbagai inisiatif di bawah Pelan Strategik Keusahawanan IPT 2013-2015, tahap penglibatan dan penyertaan pelajar di dalam program dan aktiviti keusahawanan IPT menunjukkan peningkatan ketara daripada kurang 20 peratus pada tahun 2011 kepada lebih 50 peratus pada tahun 2015.

Inisiatif dan program keusahawanan di IPT juga telah memberikan impak yang positif terhadap kesediaan pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Ini dapat dilihat melalui peningkatan jumlah lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan sebaik sahaja selepas menamatkan pengajian daripada kurang 1,000 orang pada tahun 2011 kepada 2,833 orang pada tahun 2015. Peningkatan ini adalah selari dengan data yang dilaporkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dalam Kajian Pendidikan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia 2015, di mana jumlah pendaftaran perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) oleh penduduk Malaysia yang berumur di antara 23 hingga 26 tahun telah meningkat secara konsisten bagi tempoh 2010 hingga 2014.